



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 JUN 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **39 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,674 kes** (80.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 7 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **19 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,322 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,531 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 19 kes baharu yang dilaporkan, enam (6) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 13 kes penularan di dalam negara, dua (2) kes adalah bukan warganegara dan 11 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Perincian bagi **11 kes di kalangan warganegara** ada seperti berikut:

- Enam (6) kes di Selangor:
  - dua (2) kes saringan pusat rehabilitasi di Dengkil;
  - dua (2) kes saringan madrasah tahfiz;
  - satu (1) kes Orang Kena Tahan (OKT) di Ibu Pejabat Polis Daerah di Sabak Bernam;
  - satu (1) kes saringan tempat kerja di Klang;
- Dua (2) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:
  - Satu (1) kes di Kluster Pangsapuri Cheras;
  - Satu (1) kes bagi Kluster Gombak (kluster baharu), iaitu saringan kontak rapat kes 7064 dan kes 7246;
- Satu (1) kes saringan pekerja kilang di Seremban, Negeri Sembilan;
- Dua (2) kes di Sabah bagi saringan kontak rapat (ahli keluarga) kepada kes 3641 dan kes 4537.

Sehingga kini, seramai **lima (5)** kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan dimaklumkan bahawa terdapat **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **117** kes (1.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)** **MULAI 10 JUN 2020**

Setelah 35 hari Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan iaitu mulai 4 Mei 2020, hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan mula dikuatkuasakan mulai 10 Jun 2020. Penguatkuasaan PKPP ini juga adalah dilaksanakan di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit).

Sebelum ini, Kerajaan telah mengambil pendekatan agresif menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, dan kemudiannya disusuli dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 4 Mei 2020, di mana beberapa sektor ekonomi telah dibenarkan beroperasi secara terkawal mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Penguatkuasaan PKPP mulai 10 Jun 2020 pula adalah merupakan pelaksanaan secara berperingkat oleh Kerajaan bagi memastikan Negara dapat melalui fasa pemulihan dalam

penularan COVID-19 ini. Lebih banyak sektor ekonomi, aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan dan perniagaan akan dibuka. Pergerakan masyarakat juga diberi kelonggaran. Pasti ini akan dilaksanakan berpandukan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pendekatan ini diharapkan dapat mengimbangi nyawa dan mata pencarian (*lives and livelihoods*), sebagai sebahagian daripada pemulihan (*soft landing*) dan seterusnya menyediakan Negara bagi strategi keluar atau “*exit strategy*”.

Namun begitu, pelaksanaan PKPB dan juga PKPP hanya akan berjaya dengan pematuhan semua pihak terhadap SOP yang telah ditetapkan, dan juga penglibatan komuniti dalam sama-sama membudayakan norma serta kelaziman baharu dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, KKM menyeru masyarakat untuk terus patuh kepada SOP dan kekal waspada bagi memastikan rantai penularan jangkitan COVID-19 dapat diputuskan dalam komuniti.

Kita jaga diri kita, kita jaga keluarga kita, kita jaga komuniti kita, dan kita jaga Negara. Kalau bukan kita, siapa lagi.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan

memastikan rantai jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Sambutlah perayaan secara tertutup bersama ahli keluarga di rumah sahaja;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;

- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Jun 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI  
MALAYSIA  
(SEHINGGA 7 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	256
<b>SELANGOR</b>	12 (5)	1,965
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1	911
<b>MELAKA</b>	0	234
<b>JOHOR</b>	0	676
<b>PAHANG</b>	0	363
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	2	353
<b>SARAWAK</b>	0	555
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	4 (1)	2,393
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	97
<b>W.P. LABUAN</b>	0	17
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>19 (6)</b>	<b>8,322</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import